

10 sekolah ditutup

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelajaran mengesahkan 10 sekolah di dua daerah di Kelantan tidak dapat memulakan sesi persekolahan 2012, esok berikutan keadaan sekolah terbabit masih terjejas teruk akibat banjir.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Abdul Ghafar Mahmud berkata, sekolah terbabit termasuk sembilan sekolah di Rantau Panjang dan sebuah sekolah di Gua Musang.

“Sekolah di Rantau Panjang dikenal pasti terjejas teruk dan terpaksa ditutup disebabkan paras air Sungai Golok naik dan ada antaranya jalan masuk ke sekolah terputus hubungan manakala enam sekolah di Terengganu turut terjejas dan dua sekolah di Perlis terbabit sebagai pusat pemindahan banjir,” katanya, semalam.



KERJASAMA...pekerja di Sekolah Kebangsaan Kampung Buloh Setiu membersihkan kelas yang ditenggelami air.